



## BORANG PERMOHONAN PERMIT PENGOREKAN JALAN DAN REZAB JALAN YANG DISELENGGARA OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

### A. MAKLUMAT PEMOHON DAN PENGOREKAN JALAN

- i) Tujuan Pengorekan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- ii) Lokasi Pengorekan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- iii) Kaedah Pengorekan :  Pengorekan Terbuka (Jalan)  HDD  
 Pengorekan Terbuka (Bahu Jalan)  Paip Jacking
- iv) Ukuran Pengorekan (Pengorekan Terbuka) : Panjang (m) \_\_\_\_\_ x Lebar (m) \_\_\_\_\_ x Dalam (m) \_\_\_\_\_  
(HDD / Paip Jacking) : Bilangan pit : \_\_\_\_\_
- v) No. Pelan Bangunan : \_\_\_\_\_ (jika berkaitan)
- vi) Tarikh cadangan kerja pengorekan : \_\_\_\_\_ Tarikh kerja dijangka siap : \_\_\_\_\_
- vii) Nama Pemohon : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_
- viii) Nama Pengawas Tapak : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_

### B. DOKUMEN SOKONGAN

Berikut disertakan dokumen-dokumen sokongan seperti yang diperlukan:

Bil	Dokumen	Pemohon	MBSP
1.	Surat permohonan rasmi pengorekan jalan		
2.	Borang permohonan permit pengorekan jalan dan rezab jalan yang lengkap diisi		
3.	Pelan (Jajaran, Utiliti, Pembangunan dan Pengurusan Trafik)		
4.	Gambar terkini di lokasi cadangan pengorekan		
5.	Sijil Kelayakan Kontraktor / CIDB / SPAN (yang berkaitan)		
6.	Lain-lain : Surat dan pelan kelulusan daripada IWK (untuk pemasangan paip pembentung) / Surat dan pelan kelulusan daripada PBAPP (untuk pemasangan paip air)		
7.	Lain-lain dokumen berkaitan		

### C. AKUJANJI

“Saya / kami yang bertandatangan di bawah telah meneliti dan memahami kandungan ‘Syarat-syarat bagi menjalankan kerja-kerja pengorekan jalan dan rezab jalan yang disenggara oleh MBSP’ seperti di Lampiran A dan yang ternyata di borang ini serta bersetuju mematuhi kesemuanya.”

“ Sekiranya gagal atau apabila bersabit kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, saya / kami bersedia menanggung apa juga tindakan yang dikenakan termasuklah denda tidak lebih dari Satu Ribu Ringgit (RM1,000.00) bagi satu kesalahan yang diperuntukan di bawah seksyen kecil 41(1) Akta 133, Akta Jalan, parit & Bangunan 1974.”

Tandatangan Pemohon : \_\_\_\_\_ Cop : \_\_\_\_\_

Nama Pemohon : \_\_\_\_\_

---

**BORANG ASAL HENDAKLAH DIKEMBALIKAN  
KE JABATAN KEJURUTERAAN, TINGKAT 4, MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)**

---



**JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**


LAMPIRAN A

**SYARAT-SYARAT BAGI MENJALANKAN KERJA-KERJA PENGOREKAN JALAN  
DAN REZAB JALAN YANG DISELENGGARA OLEH MBSP**

1. Pemohon perlu mengemukakan permohonan pengorekan jalan dan rezab jalan melalui perunding dengan mengisi borang permohonan serta mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti yang diperlukan.
2. Permohonan persendirian hendaklah mengemukakan surat kebenaran dan pelan berkaitan yang diluluskan oleh agensi-agensi berkaitan.
3. Satu lawatan tapak perlu diaturkan bersama wakil daripada Jabatan Kejuruteraan dan jabatan ini perlu diberitahu sebelum sebarang kerja pengorekan jalan dimulakan (jika perlu).
4. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas rekabentuk, pembinaan dan prestasi selamat (safe performance) bagi semua struktur dan peralatan/jentera yang digunakan semasa pembinaan.
5. Pengorekan yang melibatkan jalan bertar hendaklah dipotong menggunakan 'Diamond Cutter' terlebih dahulu.
6. Mewujudkan satu pasukan sepenuh masa yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelan pengurusan lalulintas sepanjang tempoh pelaksanaan termasuk juga mengadakan pengawal bendera (flagman), khususnya di laluan keluar masuk tapak, lokasi-lokasi di mana kenderaan-kenderaan berat bekerja di dalam atau berhampiran rezab jalan dan di lokasi-lokasi lain yang wajar.
7. Semasa kerja-kerja pengorekan berjalan, panjang peparit yang dibuka (dikorek) sepanjang jalan pada bila-bila masa tidak melebihi 100 meter.
8. Bahan yang dibenarkan untuk kambus semula (backfill) adalah "Quarry Dust" atau "Quarry Waste" sahaja. Peruntukan tambahan kambus semula menggunakan campuran simen konkrit 1:3:6 pada mana-mana jalan atas budi bicara Pengarah Kejuruteraan MBSP.
9. Pihak tuan diminta mengorek jalan selebar atau melebihi 1.2 meter pada kedalaman sehingga subgred atau pada kelebaran dan kedalaman yang bersesuaian di tapak bagi setiap jajaran yang terlibat. Lapisan tersebut perlu dimampatkan oleh roller 8 tan.
10. Memasang tanda-tanda amaran dan tanda arah jenis 'reflective' yang sesuai dan rekabentuk serta susunannya hendaklah menurut Arahan Teknik Jalan JKR (2C / 85).
11. Memasang lampu-lampu amaran (beacon) jenis 'blinkers' dan 'rotating light' pada jarak sekurang-kurangnya 3m setiap satu pada waktu malam (7.00 malam – 7.00 pagi) dan juga pada waktu cuaca buruk di mana penglihatan kurang baik.
12. Mengambil langkah-langkah untuk memastikan keselamatan orang ramai dan lalulintas terutama sekali bagi kerja-kerja yang melibatkan pembinaan struktur di atas paras jalan samada merentangi atau berhampiran dengan rezab jalan. Jaring keselamatan yang kukuh hendaklah dipasang untuk menahan sebarang benda daripada jatuh ke bawah.

13. Menyediakan ruang untuk pejalan kaki yang selamat dan selesa dan memastikan tidak berlaku kerosakan atau ancaman kerosakan termasuk hakisan tanah terhadap harta benda kawasan bersebelahan tapak kerja. Serta memastikan tidak berlaku sebarang kacauganggu termasuk bunyi bising yang menjelaskan ketenteraman awam dan menghindar sebarang pencemaran (pollution).
14. Menjaga kebersihan kawasan sekitar pada setiap masa termasuk selepas kerja-kerja dijalankan.
15. Membaiki segala kerosakan kepada keadaan asal terhadap turapan jalan, siarkaki, lanskap, papan tanda dan apa-apa infrastruktur jalan yang berkaitan termasuk harta benda MBSP.
16. Dalam pelaksanaan kerja-kerja, jalan tidak boleh ditutup sepenuhnya kepada lalulintas.
17. Penjadualan kerja di jalan-jalan dan persimpangan yang penting dan sibuk hendaklah pada waktu di luar waktu puncak ("off peak period") atau lewat malam (dengan kebenaran).
18. Sebarang kerosakan hendaklah dibaiki sehingga memuaskan Pengarah Kejuruteraan dalam tempoh 2 minggu selepas kerja pada satu-satu jalan itu siap. Jika gagal berbuat demikian kerja pembaikan akan dijalankan oleh Jabatan Kejuruteraan dan segala kos perbelanjaan akan dibilang ke pihak pemohon.
19. Tertakluk kepada syarat-syarat bahawa pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan atau tuntutan-tuntutan akibat dari kerja-kerja pengorekan ini dan juga sebarang tindakan dari segi undang-undang berbangkit darinya.
20. Sekiranya terdapat sebarang projek MBSP yang melibatkan pengubahan sesalur kabel/paip air/ pembetungan najis maka pihak tuan perlu mengubahnya dengan segala perbelanjaan ditanggung oleh pihak tuan sendiri.
21. Kabel yang akan menyeberangi parit kecil yang sedia ada hendaklah ditanam di bawah struktur parit tersebut manakala kabel yang akan menyeberangi parit besar yang sedia ada yang biasanya dalam hendaklah di pasang seberapa tinggi yang boleh di atas parit tersebut.
22. Kerja-kerja pengorekan yang berhampiran dengan struktur bangunan, perlulah menggunakan 'sheet pile' atau perlindung (protection) yang sesuai dengan nasihat juruperunding untuk mengelakkan gangguan/kerosakan pada struktur bangunan. Pemohon bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang kerosakan kepada harta benda orang awam.
23. Pihak tuan adalah diminta membuat ujian kekuatan "CBR Test" dan ujian ketebalan "Coring Test" sepanjang jajaran penanaman paip atau kabel selepas menyiapkan kerja tersebut. Jumlah lubang ujian bergantung kepada panjang jajaran penanaman paip atau kabel. Segala kos perbelanjaan ujian akan ditanggung oleh pihak pemohon.
24. Permohonan pengembalian wang cagaran boleh dikemukakan selepas 12 bulan (tempoh LAD) dari tarikh sijil siap kerja dikeluarkan iaitu selepas kerja tersebut siap sepenuhnya dengan sempurna dan mendapat kelulusan daripada pegawai MBSP semasa mengadakan pemeriksaan tapak.

### PROSES PERMOHONAN PERMIT PENGOREKAN JALAN



## **PROSES PERMOHONAN PERMIT PENGOREKAN JALAN**

1. Semua permohonan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut :
  - i) Surat permohonan pengorekan jalan oleh pemohon.
  - ii) 1 set pelan tapak hendaklah diwarnakan seperti berikut :
    - a) *Pelan Tapak*      - Peta yang terkini (updated), jelas dan berskil.
      - Cadangan laluan, butir-butir korekan & laluan sedia ada ditunjukkan dengan jelas (sama ada atas jalan raya, bahu jalan atau tanah persendirian).
      - Sempadan lot mesti ditunjukkan dengan jelas.
      - Semua pelan ber'legend', ditandatangani pemohon dan bercop oleh juruukur berlesen dan jurutera bertauliah.
    - b) *Pelan Keratan Lintang (melalui parit utama, parit monsun atau sungai)*
      - Butir-butir keratan rentas (cross section) cadangan laluan merintangi parit dengan dimensi yang sebenar.
      - Cadangan laluan menunjukkan saiz, dimensi dan jarak yang tepat.
      - Semua pelan ber'legend', ditandatangani pemohon dan bercop oleh jurutera bertauliah.
    - c) Kod Warna
      - Merah : Cadangan laluan (pelan tapak)
      - Biru : Laluan sedia ada yang disambungkan
      - Ungu : Laluan melalui tanah persendirian  
(Surat kebenaran pemilik hendaklah diperolehi oleh pemohon dan disertakan)
      - Lorekan Merah : Laluan *HDD / Paip Jacking*
  - iii) 1 set pelan keratan lintang laluan melalui parit utama / parit monsun berkaitan
  2. Borang permohonan pengorekan jalan – Butir-butir korekan seperti saiz lurang, saiz kabel atau paip, jumlah sesalur dan kedalaman korekan. Maklumat yang diberi adalah komitmen pemohon dengan Majlis.
  3. Pegawai yang memohon adalah bertanggungjawab ke atas butir yang dinyatakan :-
    - i) Pelan Tapak
    - ii) Pelan Keratan Lintang
    - iii) Kod Warna
  4. Cadangan pengorekan *HDD / Paip 'Jacking'* :-
    - i) Saiz, jarak, lokasi lurang sambungan mesti ditunjukkan dengan jelas
    - ii) Cadangan *HDD* hendaklah terus dikemukakan bagi :
      - Di dalam kawasan taman perumahan dan hadapan premis perniagaan (yang berkaitan).
      - Korekan merentasi jalan-jalan utama dan jalan-jalan serta persimpangan yang sibuk.
      - Korekan jalan-jalan baru diturap semula tidak melebihi 3 tahun.
      - Korekan melintasi parit utama / parit monsun.
      - Korekan melintasi jalan yang mana sesak (congesed) dengan utiliti sedia ada.

5. Permit Pengorekan Jalan hanya akan diberikan setelah semua syarat dan prosedur permohonan dipatuhi. Tempoh sah laku permit adalah selama **2 BULAN**. Sekiranya gagal memulakan kerja pengorekan jalan dalam tempoh tersebut, ataupun pengorekan tidak dapat disiapkan dalam tempoh sah laku, maka permit perlu diperbaharui.
6. Pembaharuan Permit :  
Semua permohonan pembaharuan permit hendaklah dilengkapkan dengan :
  - Surat permohonan pembaharuan permit
  - Salinan permit asal
7. Permohonan persendirian hendaklah mengemukakan surat kebenaran dan pelan berkaitan yang diluluskan oleh agensi-agensi berkaitan.
8. Pelan utiliti mesti ditandatangani oleh pihak yang menyediakan (termasuk bercop oleh juruukur berlesen dan jurutera bertauliah) beserta tarikh pemetaan tapak dibuat. Cadangan laluan dalam pelan utiliti hendaklah sama dengan cadangan laluan pelan tapak.
9. Semua permohonan bekalan baru atau tambahan yang melibatkan pemunya bangunan hendaklah dinyatakan No. Pelan Bangunan dan tarikh diluluskan (jika berkaitan).
10. Permit hanya akan diberikan kepada pemohon atau wakil pemohon yang sah sahaja.

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA**

Bil	Dokumen	Pemohon	MBSP
1.	Surat pemohonan 'Notis Siap Kerja'		
2.	Keputusan ujian CBR & ujian 'Coring' yang memenuhi syarat (jika berkaitan)		
3.	Gambar siap pemaikan di lokasi pengorekan		

---

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGEMBALIAN WANG CAGARAN**

Bil	Dokumen	Pemohon	MBSP
1.	Surat pemohonan pengembalian wang cagaran		
2.	Borang permohonan bayaran balik wang cagaran yang lengkap diisi		
3.	Resit asal bayaran (Sekiranya resit asal hilang, perlu membuat Surat Akuan Sumpah)		
5.	Surat kebenaran sekiranya bayaran perlu dibuat kepada pemohon selain daripada yang tertera di dalam resit asal		
6.	Telah tamat tempoh kecacatan (12 bulan dari tarikh Sijil Siap Kerja yang disahkan oleh pegawai bertugas) Sila kemukakan salinan Sijil Siap Kerja		
7.	Gambar keadaan terkini di lokasi pengorekan		

(\*\* Permohonan pengembalian wang cagaran boleh dibuat selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan atau Satu (1) tahun selepas tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja)